

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan:

- (a) adakah terdapat sebarang pemantauan oleh pihak Kementerian terhadap penggunaan tulisan Jawi dalam pembungkusan produk bukan Muslim; dan
- (b) adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kerajaan bagi membawa akta khas bagi melarang penggunaan tulisan Jawi dalam pembungkusan produk bukan Muslim kerana dikhuatiri akan menyebabkan kekeliruan terhadap status halal sesuatu produk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian tidak membuat pemantauan secara khusus ke atas produk-produk bukan Muslim yang menggunakan tulisan Jawi, tetapi sentiasa menjalankan pemeriksaan berkaitan halal secara menyeluruh. Hal ini kerana, penggunaan tulisan Jawi semata-mata tidak memberi maksud bahawa produk makanan atau premis makanan itu adalah halal. Seperti ejaan nama syarikat dalam tulisan Jawi yang tidak mengaitkan bahawa produk yang dijual itu adalah halal.

Seandainya penggunaan tulisan Jawi pada sesuatu produk makanan itu memberi indikasi yang boleh diertikan sebagai halal, antaranya terdapat bukti-bukti sokongan lain seperti penggunaan ungkapan '*Muslim friendly*', '*shariah compliance*', petikan terjemahan ayat Al-Quran dan sebagainya. Maka, siasatan boleh dijalankan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Asas kepada tindakan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah bagi memastikan produk makanan atau premis makanan yang menggunakan perbahasaaan halal adalah disahkan halal oleh badan berkuasa berwajib iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri, bukanlah bagi memastikan ianya dimiliki oleh orang Islam semata-mata.

Yang di-Pertua,

Berhubung perancangan untuk mewujudkan Akta Khas, buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk mengadakan perundangan baharu bagi melarang penggunaan tulisan Jawi dalam pembungkusan produk bukan Muslim memandangkan perundangan sedia ada telah memadai bagi menangani isu penyalahgunaan perbahasaaan halal pada produk yang ditawarkan untuk jualan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan bekerjasama dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memperkemaskan lagi penguatkuasaan berkaitan perbahasaaan halal. Sekian, terima kasih.